

# Rajamani 'ratu olahraga'

B/H 21/7/21 MS 63.

» *Bersara selepas disambar petir*

**Oleh Mohd Fitrie Muhamad**  
mfitrie@bharian.com.my

**K**alau Datuk Dr M Jegathe-  
san digelar 'raja olahraga',  
Datuk M Rajamani pula  
bergelar 'ratu olahraga'.

Mengimbuai pembabitan Raja-  
mani dalam sukan olahraga,  
anak jati Tapah, Perak ini mula  
berjinak-jinak dalam sukan olah-  
raga seawal usia 10 tahun selepas  
terpilih mewakili sekolah selaku  
pelari terakhir dalam acara berganti-  
ganti.

Ketika di pertandingan itu, Ra-  
jamani berjaya menewaskan pe-  
serta lebih berpengalaman dan ber-  
mula daripada kejayaan itu beliau  
mula serius dalam sukan olahraga.

Menjangkau usia 18 tahun, beliau  
dilatih R Suppiah dan mula men-  
yerntai pertandingan olahraga, Ter-  
buka Malaya dan berjaya mempa-  
merkan aksi cukup membanggakan.

Dalam masa sama, bekas guru  
itu semakin mempamerkan 'ta-

ring' sebenar apabila mendomi-  
nasi Sukan SEAP 1965 di Kuala  
Lumpur dengan memenangi empat  
pingat emas dalam acara 100  
meter (m), 200m, 400m dan  
4x400m sekali gus melayakkan-  
nya diangkat sebagai Olahraga-  
wati Kebangsaan.

Sebelum itu pada Sukan SEAP  
1959 di Bangkok, beliau mem-  
buktikan kehebatannya sebagai  
ratu olahraga di peringkat Asia  
apabila memenangi pingat emas  
dalam acara 400m, 800m, 4x100m  
dan tempat kedua dalam 200m.

Bagaimanapun, tahun 1968  
menjadi detik paling diingati apa-  
bila beliau terpaksa menamatkan  
perjalanan cemerlang lebih awal  
apabila disambar petir ketika  
menjalani latihan.

Ketika menjalani latihan di Pu-  
sat Latihan Polis, Jalan Gurney  
(kini Jalan Semarak), Rajamani  
pengsan dan dihantar ke Hospital  
Besar Kuala Lumpur namun pe-  
latih polis, PN Govindan pula men-  
inggal dunia.



Rajamani dikalung **pingat emas** selepas memenangi acara 200m Sukan SEAP 1965.



Aksi acara **400m** pada 1968.



## INFO

### Rajamani Mailvaganam

◎ **Tarikh Lahir:** 10 November 1943

◎ **Tempat:** Tapah, Perak

◎ **Suami:** M Rajalingam

◎ **Anak:** Preema Geetha, Gouri dan Vishnu.

◎ **Pencapaian - 1964:** Emas 100m, 200m, 400m dan 800m (Terbuka Perak), Emas 400m dan perak 800m (Terbuka Singapura) Emas 200m, 400m dan 800m (Terbuka Kebangsaan), layak ke Sukan Olimpik, Tokyo; **1965:** Emas 200m, 400m, 800m, 4x100m (Sukan SEAP Kuala Lumpur), Emas 200m, 800m (MAAU All-Comers), Emas 100m, 200m, 400m (Terbuka Perak); **1966:** Emas 400m dan gangsa 4x100m (Sukan Asia Bangkok), Wakil Malaysia di Sukan Komanwel, Kingston, Jamaica; **1967:** Emas 400m, 800m & 4x100m (Sukan SEAP), Emas 100m, 200m, 400m dan 800m (Terbuka Selangor), Emas 100m, 200m dan 400m (Terbuka Perak), Emas 400m, 800m dan 4x100m (Terbuka Kebangsaan)